



4.4.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh YB PROF. DR. P. RAMASAMY

Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang.

AKADEMI PERKHIDMATAN AIR PULAU PINANG AKAN TERAJUI LATIHAN TEKNIKAL UNTUK INDUSTRI BEKALAN AIR MALAYSIA

- Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA) dan kampus cawangan barunya akan memberi tumpuan kepada latihan teknikal dan pensijilan bagi industri industri bekalan air di seluruh negara.**

PULAU PINANG, Khamis, 4.4.2019: PWSA kini melebarkan sayap ke seluruh negara untuk menyediakan latihan kecekapan yang diiktiraf oleh kerajaan untuk kakitangan industri air.

PWSA diuruskan oleh PBA Resources Sdn Bhd, atau PBAR, anak syarikat milikan 100% PBA Holdings Bhd (PBAHB). PBAHB juga merupakan syarikat pegangan dalam Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) pemegang lesen operator air bagi Pulau Pinang.

Pada 3.12.2018, PBAR menandatangani perjanjian perkongsian pintar dengan KYM STES Sdn Bhd untuk menujuhkan Institut Air Malaysia (MWI) di Melaka. KYM STES adalah anak syarikat Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka (ICYM).

Berikutan perjanjian itu, MWI telah diletakkan sebagai kampus cawangan PWSA yang akan menyediakan program latihan teknikal PWSA di wilayah selatan Semenanjung Malaysia.

PWSA juga merancang untuk menandatangani perjanjian dengan organisasi terkemuka lain tidak lama lagi, untuk mendirikan kampus cawangan di wilayah tengah, dengan aturan yang sama.

Dengan pangkalannya di Pulau Pinang dan rangkaian dua cawangan ini, PWSA akan menjadi pemain utama negara dalam menyediakan latihan teknikal untuk industri air teknikal kepada tahap Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).



Rasional Komitmen PWSA

Anggaran penduduk 2018 menunjukkan bahawa 1.77 juta penduduk di Pulau Pinang dan 32.4 juta penduduk Malaysia. Hampir setiap orang bergantung kepada perkhidmatan bekalan air yang baik setiap hari untuk menyokong gaya hidup mereka dan menjalankan aktiviti sosio ekonomi.

Oleh kerana permintaan air yang semakin meningkat dan perubahan iklim, berbilion ringgit dilaburkan untuk menaik taraf infrastruktur bekalan air dan mengoptimumkan sumber air di Pulau Pinang dan seluruh negara.

Selain menaik taraf “perkakasan”, kita juga harus memberi keutamaan dan mengoptimumkan latihan kecekapan untuk kakitangan teknikal industri bekalan air. Kakitangan yang terlatih untuk menjadi kompeten kurang cenderung untuk membuat kesilapan dan lebih baik dalam mengelak kecelakaan.

Pendek kata, PWSA berusaha untuk memastikan bahawa semua kakitangan teknikal industri air Malaysia dilatih dengan baik untuk berkhidmat untuk negara dengan cekap, pada masa akan datang.

3 Pilihan untuk Pensijilan SKM

PWSA menawarkan 3 pilihan untuk pensijilan peringkat SKM yang juga boleh didapati dari kampus cawangannya:

- Program SKM sepenuh masa untuk lepasan sekolah yang mencari pekerjaan dalam industri bekalan air. Sehingga kini, 240 pelatih MARA telah mengikuti program sepenuh masa PWSA.
- Program SKM-SLDN (*Sistem Latihan Dual Nasional*) untuk kakitangan baru terpilih. PWSA telah menyediakan program latihan untuk 300 kakitangan dari PBAPP dan kemungkinan organisasi bekalan air Malaysia yang lain di bawah program SKM-SLDN pada masa akan datang.
- Program SKM-PPT (*Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu*) untuk



kakitangan yang berpengalaman dengan kemahiran terkumpul. Seramai 357 kakitangan bekalan air Malaysia telah memperolehi sijil SKM-PPT melalui PWSA.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBA Holdings Bhd berharap operator bekalan air, jabatan kerajaan dan semua organisasi yang terlibat dalam industri bekalan air di Malaysia akan memanfaatkan perkhidmatan latihan PWSA.

Marilah kita berganding bahu untuk memastikan semua kakitangan teknikal industri bekalan air diiktiraf sebagai kompeten, demi kepentingan rakyat dan negara.

Untuk rekod, PWSA telah melatih seramai 945 graduan peringkat SKM sejak tahun 2010. Sejak ditubuhkan pada tahun 2007, seramai 3,872 kakitangan industri air dan lepasan sekolah telah menghadiri pelbagai program latihan di PWSA.

Senarai klien Malaysia akademi ini meliputi hampir semua organisasi bekalan air dan jabatan serta agensi kerajaan yang berkaitan di Malaysia.

Senarai klien antarabangsa PWSA termasuk operator air di Indonesia, Myanmar dan Nepal. Sementara itu, PBAR juga telah bekerjasama dengan PERPAMSI, Persatuan Industri Bekalan Air Indonesia yang mewakili lebih dari 400 operator air seluruh Indonesia.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakkah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



MAJLIS KONVOKESYEN SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD

Disempurnakan oleh

YB PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY

TIMBALAN KETUA MENTERI II PULAU PINANG

Anjuran bersama



Tempat :
POLITEKNIK SABAH
TARAKAN
4 APRIL 2017

